

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS MOTOR (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Polisi Kenderaan Komersil Komprehensif</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01-01-2010</p> <p>Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd.</p> <p>Nama Produk : Polisi Kenderaan Komersil Komprehensif</p> <p>Tarikh :</p>
--	---

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini menawarkan insurans terhadap kerosakan pada kenderaan anda akibat kemalangan atau kebakaran atau Kecurian pada kenderaan dan liabiliti kepada pihak lain untuk kecederaan atau kematian, kerosakan pada harta kepunyaan pihak lain.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini memberi perlindungan ke atas:

- a) kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda sendiri disebabkan oleh kecurian, kebakaran secara tidak sengaja atau kemalangan.
- b) Kematian dan kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga.
- c) Kerosakan atau kerugian pada hartanah pihak ketiga.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah bayaran premium yang perlu dibayar?

Jumlah bayaran premium yang perlu dibayar mungkin berubah mengikut kelayakan Diskaun Tanpa-Tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderaitan syarikat kami. Sebagai contoh:

- Perlindungan Asas : Bayaran premium sebanyak RM1,897.20 untuk jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM50,000 (1 tan).
- Kelayakan NCD : 25 peratus.

Anggaran jumlah premium yang perlu dibayar ialah RM1,432.90.

4. Apakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	10 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium untuk entiti perniagaan.

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda perlu memberitahu semua maklumat serta fakta-fakta seperti kemalangan yang pernah berlaku dan modifikasi terhadap enjin kenderaan.
- b) Anda perlu memastikan bahawa **kenderaan anda telah diinsuranskan dengan jumlah yang bersesuaian.**
- c) **Lebihan**, iaitu jumlah kerugian yang perlu ditanggung oleh anda untuk satu dan setiap tuntutan berbayar (termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami berkenaan pelaksanaan, pembelaan dan penyelesaian sebarang tuntutan) di bawah Seksyen A – KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA untuk Polisi ini sebagai tambahan kepada mana-mana lebihan yang mungkin digunakan. Jika perbelanjaan yang ditanggung oleh Kami termasuk adalah termasuk jumlah yang sepatutnya dibayar oleh Anda, jumlah tersebut perlu dibayar semula kepada Kami.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberikan perlindungan terhadap kerugian tertentu, sebagai contoh:

- a) Kematian anda sendiri atau kecederaan anggota badan disebabkan oleh kemalangan motor;
- b) Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda; dan

- c) Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat daripada bencana alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada kadar jangka-pendek, walau bagaimanapun, sebarang jumlah premium minimum yang dibayar untuk polisi ini tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini adalah untuk memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk pada naskhah *insuranceinfo* berkenaan 'Insurans Motor', yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks: 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan insurans motor lain yang boleh didapati.

Perlindungan insurans motor lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Kenderaan Persendirian
- Plet Perdagangan
- Motorsikal

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN JUMLAH YANG BERSESUAIAN KERANA IA AKAN MEMPENGARUHI JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT OLEH ANDA. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang dinyatakan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Januari 2010.